

# PESERTA WORKSHOP ON NANOMATERIALS DIRAIKAN DALAM SATU MAJLIS MAKAN MALAM

22 Mei 2007

Seramai 47 orang peserta Workshop on Nanomaterials anjuran Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan X-ray Application Society -Malaysian Nuclear Society (Xapp-MNS) diraikan dalam satu majlis makan malam yang diadakan di Dewan Kapitol UniMAP, 22 Mei 2007 lalu.

Ia dirasmikan oleh Naib Canselor UniMAP, Y.Bhg. Kol. Prof. Dato` Dr. Kamarudin Hussin. Turut hadir, Pengarah Xapp-MNS, Prof. Dr. Muhd Ambar Yarmo, Pegawai-pegawai Kanan Universiti serta Dekan dan Ketua Jabatan UniMAP. Bengkel selama dua hari bermula 23 hingga 24 Mei 2007 itu diadakan di Hotel Putra Brasmana, Kuala Perlis. Ia melibatkan peserta di kalangan pelajar dan penyelidik dari institut pengajian tinggi serta sektor industri yang terlibat dalam bidang x-ray.

Sementara itu dalam ucapan perasmianya, Y.Bhg. Naib Canselor berkata, bidang bahan nano adalah antara bidang

kajian yang sedang diberi keutamaan dan mendapat perhatian kerajaan Malaysia bertujuan memperkasakan bidang penyelidikan di bawah Rancangan Malaysia ke- Sembilan (RMK-9).

Menyedari hakikat ini, UniMAP dan Xapp-MNS telah bekerjasama menggembeng tenaga dengan mengumpulkan pakar-pakar yang terdiri daripada pelbagai bidang khusus sub-kepakaran untuk membincangkan secara kritis mengenai penerokaan peluang untuk mengembangkan bahan nano,"katanya.

Y.Bhg. Dato` Dr. Kamarudin juga berharap dengan usaha yang dijalankan, bidang bahan nano akan dapat diteroka secara lebih intensif dan seterusnya menggerakkan usaha bersepadu dalam memperkasakan bidang penyelidikan.

